

# Disyaki seleweng diesel bersubsidi, pengusaha stesen minyak direman

**SIBU:** Mahkamah Majistret Sibu semalam mengeluarkan perintah tahanan reman terhadap dua beradik yang merupakan pengusaha stesen minyak di sini kerana disyaki terlibat dalam sindiket penyelewengan diesel bersubsidi.

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) memberitahu, Majistret Romaroi Jonoi membenarkan reman selama empat hari terhadap suspek lelaki berusia lingkungan 40-an manakala adik perempuannya yang berusia kira-kira 30-an direman satu hari sehingga hari ini.

Permohonan reman tersebut dilakukan oleh SPRM di Mahkamah Majistret Sibu bagi membantu siasatan lanjut.

Terdahulu, kedua-dua suspek ditahan dalam satu operasi khas dinamakan Ops Liter yang dijalankan di sebuah depoh simpanan minyak diesel, Sungai



**DIREMAN:** Kedua-dua suspek dibawa ke Mahkamah Majistret Sibu bagi permohonan tahanan reman semalam.

Bidut di sini, kelmarin.

Operasi tersebut berjaya merampas dua tongkang, 30 tangki minyak dan sejumlah besar wang tunai.

Menurut sumber, sindiket ini dipercayai telah beroperasi sejak 2012 dan berjaya mengaut keuntungan sehingga RM400 juta menerusi penjualan diesel bersubsidi secara haram.

Tangkapan ini dilakukan berikutan dakwaan sindiket terbabit turut terlibat dalam merasuah pegawai penguasa bagi mengelak tindakan undang-undang.

Kes ini disiasat di bawah Seksyen 17(b) Akta SPRM 2009 berkaitan kesalahan merasuah serta beberapa seksyen dalam kanun keseksaan lain.